

Residen mewah Moonlight Bay

Dibina di lereng bukit sambil bersaksikan panorama pantai indah Batu Ferringhi, kediaman lima bintang Moonlight Bay menjadi buruan pembeli hartanah ekspatriat.

Oleh ZAKI SALLEH

zaki_salleh@kosmo.com.my

TERLETAK di kawasan peranginan paling popular di Pulau Pinang, projek kediaman vila dan kondominium mewah Moonlight Bay mempunyai nilai eksklusif tersendiri. Berinspirasi oleh bentuk Mediterranean, pembinaan kediaman ala resort lima bintang di kawasan lereng bukit itu merupakan panorama indah pantai Batu Ferringhi. Ia dibina di atas bukit sebusa enam hektar.

Dibangunkan oleh syarikat pemaju

hartanah, Ivory Properties Group

(Ivory), ia teragutai bukan hartanah selang-celang di Pulau Mutiara itu. Selain dibina sebagai sebuah residen gah sesuai untuk pemiliknya yang inginkan nilai eksklusif, Moonlight Bay turut memekankan elemen kejayaan alam sekitar.

Sekiranya faktor keselamatan dipertimbangkan, yang pasti projek pembangunan di kawasan bukit berkeluasan 76 meter dari paras laut itu memulahi nilai piawaian tempatan dan Hong Kong. Malah, ia memenangi ciri-ciri keselamatan yang dipraktikkan di Amerika Syarikat dan Eropah.

Pasukan jurutera Ivory dan arkitek penasihatnya turut memastikan struktur linaas setiap unit rumah itu mampu menahan geyaran serta mampu menyokong bangunan 10 tingkat walaupun rumah yang dibina hanya berkeluasan empat tingkat.

Menurut pengarah projeknya, Murly Manokharan, standard pembinaan kediaman bertaraf di kawasan bercorak itu amat menitikberatkan aspek keselamatan serta perubahan kelestarian alam sekitarnya.

"Ia merupakan projek kediaman berkelas rendah kerana kita hanya



MOONLIGHT BAY adalah residen eksklusif menggabungkan 70 unit vila dan dua blok kondominium lima tingkat.

membangunkan kira-kira 50 peratus sebuah daripada kapasiti sebenar, selain menekankan aspek pemuliharaan persekitaran hijauannya.

"Binaan cerucukan cukup kukuh dengan menggunakan teknologi pembinaan moden, ia mampu menampung beban bangunan berkeluasan 10 tingkat dan tahan gegaran," ujar beliau dalam satu lawatan media baru-baru ini.

Kediaman dengan ciri-ciri ala pusat peranginan itu meliputi pendidikan 70 unit vila mewah empat tingkat dijual dari harga antara RM2.7 juta hingga RM4.6 juta.

Dua blok kondominium lima tingkat yang menempatkan 20 unit kediaman pula berharga RM1.28 juta seunit.

Selain kolam renang dan ruang gimnasium, setiap vila mewah yang berkeluasan di antara 3,800 meter persegi hingga 6,560 meter persegi dilengkapi lif.

Hampir 20 peratus daripada kediaman kondominium vila adalah terjual dengan 30 peratus pembeliannya adalah golongan ekspatriat antaranya dari Amerika Syarikat, Itali, Hong Kong dan Taiwan

menepati program Malaysia Rumah Kosla Ka.

Baki lapan unit kediaman vila mewah lagi kuasa bumiputera masih dibekal untuk jualan dan dijangka akan habis dijual dalam tempoh sedikit masa lagi.

"Lokasi Moonlight Bay ini banyak dicari oleh para pelabur dan pemilik rumah terutamanya mereka yang inginkan tempat ideal untuk menikmati kelanangan serta jauh daripada kehidupan kota yang sentiasa sibuk."

"Projek perumahan yang melibatkan penarikan lima bintang ini satu lagi kejayaan Ivory menyediakan kawasan kediaman mengikut kehendak pelanggan," jelas Manokharan.

Memasuki fasa akhir projek dan bakal diserahkan kepada pembeli Opus ini, projek pembinaan Moonlight Bay pernah meraih anugerah utama *Penang My Second Home Property 2007*.

Manokharan memberitahu, dengan nilai pembangunan kasar (GDA) melebihi sehingga RM260 juta, nilai semasa Moonlight Bay kini meningkat antara 30 hingga 50 peratus berbanding semasa dimarkasi tiga tahun lalu.



KEDIAMAN Moonlight Bay direka baik sebagai lokasi percubaan mewah untuk kawasan pemuliharaan.



VILA mewah Moonlight Bay setinggi empat tingkat dijual pada harga bermula dari RM2.7 juta hingga RM4.6 juta.